



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG
KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUT HARGA : PSUKPP/65/2020

Tawaran adalah dipelawa kepada kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang berkaitan:

- 221601- Perkhidmatan-Percetakan atau,
- 221610 - Perkhidmatan-Percetakan (Menjilid Kulit Keras);atau
- 020603- Organiser, Dairi, Kalendar, Buku Alamat, Resit, Memo;atau
- 221615 - Perkhidmatan/Percetakan (Dikhaskan kepada Syarikat 100% Bumiputera)/ Reka Bentuk Percetakan (Printing Design)

serta masih sah tempoh lakunya dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut:

“ PERKHIDMATAN MEREKA BENTUK, MENCETAK, MEMBEKAL BUKU HARIAN RASMI DAN BUKU PERANCANGAN TAHUNAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2021”

2. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM20.00** secara *online* dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP) mulai **21 Julai 2020 (Selasa)**.

3. Dokumen Sebut harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan No. Sebut harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **sebelum @ pada 28 Julai 2020 (Selasa) jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Bahagian Khidmat Pengurusan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang**. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **90 hari** dari tarikh peti sebut harga ditutup.

4. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

5. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>

Y.B. Setiausaha Kerajaan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang